

MENGUASAI KEMAHIRAN MENGHUBUNG KAIT PERLEMBAGAAN DENGAN BAHASA KEBANGSAAN MENGGUNAKAN TEKNIK “GZ FLEKSIBEL” BAGI MURID TAHUN 5

Ismi Binti Muhie
ismimuhi@gmail.com

Abstrak

Penyelidikan tindakan ini adalah bertujuan membantu murid tahun lima menghubungkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan melalui teknik “GZ *Fleksibel*” serta meningkatkan PdPc guru. Permasalahan yang berlaku semasa saya mengajar ialah penggunaan “GZ” yang terhad untuk menghubungkan perlembagaan dengan bahasa kebangsaan sahaja. Maka, saya membuat satu lagi inovasi sebagai satu teknik kesinambungan daripada “GZ”. Tajuk kajian saya ialah menguasai kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan Bahasa kebangsaan menggunakan teknik “GZ *Fleksibel*”. Teknik ini melengkapkan penggunaan “GZ”. Sehubungan dengan itu, seramai tiga orang peserta kajian telah dipilih berdasarkan pencapaian dan sikapnya di dalam kelas. Instrumen yang digunakan dalam kajian saya ialah pemerhatian, lembaran kerja, temubual dan analisis dokumen. Hasil kajian memberikan impak positif kerana peserta kajian dapat menguasai kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan bahasa kebangsaan. Disamping itu, dapat meningkatkan pedagogi guru semasa PdPc dijalankan di dalam bilik darjah. Oleh itu, penambahbaikan yang boleh dibuat pada masa akan datang ialah dengan menerapkan kaedah “*Peer Coaching*” dan memperbaiki lagi bahan inovasi supaya lebih menarik.

Kata kunci: GZ *Fleksibel*, Bahasa Melayu, Perlembagaan, Bahasa Kebangsaan, Menghubungkan

Abstract


The aim of this research is to help Year 5 pupils to make a relationship between the Constitution and the National Language through the implementation of “Flexible GZ” technique as well as to improve on the teacher’s teaching practice. In my teaching, I encountered the limitation of using “GZ” to relate the Constitution and National Language. So, I come out with another innovation as a continuation technique of “GZ”. The title of my research is To Master the Relationship Between the Constitution with the National Language using the “Flexible GZ” Technique. This technique completed the use of “GZ”. Three participants were purposely selected based on their achievements and attitudes in the classroom. The instruments used in my research were observations, worksheets, interviews and documents analysis. The results of the research have given a positive impact as the participants were able to create a relationship between the constitution and the national language. In addition, it can improve teacher’s pedagogy in their teaching and learning conducted in the classroom. Through this research, improvement can be made in the future by applying “Peer Coaching” method and improvise the innovation material to be more attractive.

Keywords: Flexible GZ, Bahasa Melayu, Constitution, National Language, Relating

Pengenalan

Menerusi proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran Sejarah, murid-murid sekolah rendah berpeluang untuk meningkatkan semangat patriotisme dengan menyemaikan bibit-bibit semangat perpaduan dan patriotik dalam kalangan pelajar. Mata Pelajaran pelajaran Sejarah amat sesuai untuk memupuk semangat patriotisme. Memetik kata-kata Ghazali dalam Ishak Saat (2009) mendefinisikan pendidikan merupakan satu proses memanusiakan manusia iaitu proses pemupukan dan meningkatkan kesedaran dalam diri manusia. Mata pelajaran Sejarah merupakan metod yang sangat sesuai dan jelas dalam usaha mendidik dan memberikan ilmu ke arah pemupukan semangat cinta kepada Negara serta meningkatkan kesedaran diri untuk menghargai jasa dan pengorbanan masyarakat terdahulu.

Dapatan kajian awal saya menunjukkan terdapat pelajar yang tidak dapat mengaitkan Bahasa Melayu dengan perlembagaan malah, mereka tidak dapat menjelaskan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. *Rajah 1* merupakan catatan pemerhatian tidak berstruktur yang telah rakan saya buat pada 11 September 2017.



Rajah 1: Hasil Pemerhatian Tidak Berstruktur

Dalam perbualan secara spontan dengan murid yang terlibat dengan masalah mengingat fakta semasa sesi PdPc, jawapan yang mereka berikan mudah sahaja iaitu “mengangkat bahu dan senyum”. Beberapa tema yang diperolehi daripada temu bual tersebut ialah murid keliru, kurang jelas, lupa dan tidak faham penjelasan cikgu. Persembahan dalam bentuk abstrak menyebabkan murid keliru (Wong Kiet Wah, 2013). Secara keseluruhannya, murid tidak dapat mengkaitkan perlembagaan dengan Bahasa Melayu. Saya berharap isu ini tidak akan berlarutan kerana ia akan menjejaskan prestasi akademik murid di sekolah. Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk menjadikan isu ini sebagai satu kajian bagi mengenalpasti kaedah yang lebih sesuai untuk membantu murid menguasai kemahiran menghubungkait perlembagaan dengan peranan Bahasa Melayu.

Oleh itu, Guru haruslah memikirkan strategi pengajaran yang berkesan bagi memastikan hasrat pendidikan tercapai. Sesi pembelajaran akan menjadi lebih menarik, inovatif dan bersifat kreatif jika guru-guru Sejarah dapat merancang pelbagai kegiatan berbentuk projek (Abd.Rahim Abd. Rashid, 1989). Maka, semasa saya menjalani praktikum di sekolah, saya telah menggunakan gelung untuk mengaitkan perlembagaan dengan bahasa kebangsaan. Saya mendapati pengaplikasian gelung tersebut kurang sesuai kerana tidak semua murid mampu untuk mengaitkan semua perkara dalam satu masa. Oleh itu, saya telah membuat satu inovasi untuk menghubungkait perlembagaan dengan bahasa kebangsaan. Inovasi tersebut dinamakan **Gelung Zooming Fleksibel (“GZ Fleksibel”)** dan merupakan tindakan lanjutan selepas mengaplikasikan “GZ” bagi memudahkan

murid untuk mengaitkan perlembagaan dengan bahasa kebangsaan, mengingati isi pelajaran serta memberi keseronokan kepada murid untuk belajar.

Fokus Kajian

Fokus kajian ini ialah membantu menghubungkan kedudukan bahasa kebangsaan dengan perlembagaan dan mana-mana tajuk yang berkaitan dengan mana-mana akta yang terkandung di dalam perlembagaan menggunakan teknik "**GZ Fleksibel**". Berpandukan Teori Pavlov yang mementingkan hubungan di antara tindakbalas (murid) dan rangsangan ("**GZ Fleksibel**"). Pengkaji perlulah menggunakan bahan bantu belajar yang mempunyai ciri-ciri yang menarik seperti bentuk dan warna kerana menurut Noriati A. Rashid et.al (2012), pemilihan warna penting supaya persembahan PdPc menjadi lebih menarik dan berkesan kepada mereka (murid-murid).

Objektif dan Soalan Kajian

Objektif Kajian ialah untuk membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan melalui teknik "**GZ Fleksibel**" dan meningkatkan PdPc guru dengan membantu murid untuk menguasai kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan melalui teknik "**GZ Fleksibel**"

Soalan Kajian adalah adakah murid dapat menguasai kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan melalui teknik "**GZ Fleksibel**"? dan adakah guru dapat meningkatkan kaedah PdPc dengan membantu murid menguasai kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan melalui teknik "**GZ Fleksibel**"?

Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid daripada kelas yang sama iaitu Hani, Mary dan Aiman (bukan nama sebenar). Ketiga-tiga peserta kajian mempunyai ciri-ciri yang berbeza sikapnya. Hani seorang murid yang pendiam dan pemalu serta mempunyai tahap penguasaan fakta yang lemah khususnya mengkaitkan fakta. Mary pula seorang yang peramah namun Suka duduk di barisan belakang dan selalu hilang. Manakala Aiman pula seorang Murid yang mesra dan suka membuat bising serta mudah lupa. Namun, pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan hasil lembaran kerja murid mengenai peranan bahasa Kebangsaan bertepatan dengan objektif kajian iaitu membantu murid menguasai kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan bahasa Kebangsaan bagi murid tahun 5.

Tindakan Yang Dijalankan

Kajian ini dilaksanakan mengikut model kajian tindakan oleh Lewin seperti dalam *Rajah 2* di bawah.



Rajah 1. Model Tindakan Lewin, 1946 & Laidlaw, 1992

Langkah-langkah pelaksanaan berdasarkan Model Kajian Tindakan Lewin ialah seperti berikut:

Langkah 1: Menenal Pasti Amalan Bagi Penambahbaikan .

Penambahbaikan terhadap inovasi terdahulu iaitu dari segi kebolehgunaan, kerelevanan dan kebolehtadbiran. Oleh itu, saya membuat penambahbaikan terhadap gelung GZ yang dinamakan sebagai “**GZ Fleksibel**” iaitu satu kesinambungan selepas menggunakan “GZ” bagi melengkap satu proses PdPc untuk mengaitkan bahasa kebangsaan dengan perlembagaan serta peranannya kepada negara seperti dalam *Rajah 3* di bawah. Kad-kad huraian bagi setiap elemen juga disediakan bagi memudahkan murid semasa melakukan aktiviti *zoom in* dan *zoom out*. Berdasarkan masalah murid dalam menghubungkan perlembagaan dengan bahasa kebangsaan dan kelemahan pedagogi guru satu inovasi telah dibuat untuk membantu menyelesaikan masalah murid dan menambahbaik pedagogi guru.



Rajah 3: Gelung Zooming Fleksibel

Langkah 2: Membina Rancangan Tindakan

Membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran sejarah penting dalam mencapai tujuan dan matlamat terutamanya dalam usaha menerapkan nilai patriotisme (Omaradin Haji Ashaari dan Yunus Muhamad, 2002). Pembinaan perancangan tindakan adalah dengan mengaplikasikan “GZ Fleksibel” dalam aktiviti dengan penerapan kaedah “*Peer Coaching*” bagi membantu menjayakan objektif yang telah ditetapkan. Langkah penggunaan GZ Fleksibel adalah seperti berikut:

Aktiviti 1: Aktiviti 1 dimulakan dengan pengkaji memperkenalkan kedudukan individu, perkara 152 (isi kandungan akta), perlembagaan, negara Malaysia seterusnya nilai kewarganegaraan berada di luar *Gelung Zooming Fleksibel Keseluruhan*. Individu berada ditengah-tengah bulatan (gelung pertama), gelung kedua mewakili Perkara 152 yang terkandung dalam perlembagaan dan apabila menyusun gelung ketiga, terdapat peruntukan mengenai bahasa kebangsaan di dalamnya. Gelung keempat pula mewakili perlembagaan, gelung kelima mewakili Malaysia dan elemen kewarganegaraan seperti perpaduan, patriotisme, keharmonian dan menghormati berada di luar gelung. Perkaitan diantara *Gelung Zooming Fleksibel Keseluruhan* perkaitan di antara individu, bahasa kebangsaan dan perlembagaan digambarkan.

Aktiviti 2: Teknik GZ Fleksibel (*zoom in*). Teknik "*Gelung Zooming Fleksibel*" merupakan aktiviti membuat *zoom* atau menyusun masuk gelung tersebut dengan menyusun setiap gelung sehingga menampakkan fungsi perlembagaan melalui peranan bahasa kebangsaan kepada setiap individu di Malaysia. Cara permainannya adalah murid diberikan peluang untuk menyusun gelung *zoom* untuk menyusun masuk setiap gelung dan menyebut serta mengkaitkan setiap perkataan yang terdapat ada gelung mengikut urutan dari luar gelung sehingga ke pusat gelung. Permainan ini akan diteruskan secara bergilir-gilir mengikut kumpulan.

Aktiviti 3: Teknik GZ Fleksibel (*zoom out*). Aktiviti ketiga merupakan pengukuhan bagi mengaitkan peranan setiap individu terhadap perpaduan, keharmonian, menghormati dan patriotisme dengan penggunaan bahasa kebangsaan yang diperuntukan melalui akta 152 di dalam perlembagaan demi kesejahteraan Malaysia. Murid diberi peluang menyusun gelung secara *zoom out* untuk mengkaitkan peranan setiap individu terhadap perpaduan, keharmonian, menghormati dan patriotisme dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan.

Aktiviti 4: Latihan pengukuhan akan diberikan untuk melihat sejauhmana murid mampu mengaitkan aspek-aspek tersebut melalui teknik "**GZ Fleksibel**".

Langkah 3: Pelaksanaan.

Setelah itu, pengkaji akan mengajar semula topik berkenaan dengan memberi contoh- contoh yang lebih mudah difahami oleh murid dengan menggunakan "**Gelung Zooming Fleksibel**". Aktiviti dilaksanakan menggunakan teknik stesen ke stesen dengan penerapan kaedah "*Peer Coaching*". Peserta kajian dilantik sebagai ketua kumpulan untuk melihat keberkesanan kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan bahasa Kebangsaan.

Langkah 4: Memerhati Kesan Pelaksanaan.




Semasa tindakan sedang diambil, pengkaji perlu bertindak mengesan tingkahlaku dan cara peserta kajian menyampaikan maklumat dengan ahli kumpulannya. Tindak balas yang diberikan oleh murid semasa pengajaran semula yang memberi fokus terhadap aspek-aspek yang sukar difahami.

Langkah 5: Mereflek.

Inovasi ini merupakan gabungan teknik "**GZ**" dengan teknik "**GZ Fleksibel**" untuk membantu murid menghubungkan perlembagaan dengan bahasa kebangsaan. Inovasi yang dibuat adalah hasil daripada temubual bersama murid dan guru pembimbing dan peserta kajian untuk usaha melengkapkan proses PdPc yang merangkumi keseluruhan unit kecil iaitu bahasa kebangsaan.

Dapatan Kajian

Selepas menggunakan GZ Fleksibel, murid hampir dapat menguasai 100% kemahiran menghubungkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan melalui teknik “**GZ Fleksibel**”. Hani dan Mary dapat menyatakan isi kandungan yang terdapat pada perkara 152 dalam perlembagaan Malaysia dengan ringkas dan tepat iaitu “bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu”. Walaupun jawapan Hani dan Mary tidak lengkap sepenuhnya seperti yang terkandung dalam perkara 152 namun, Hani dan Mary telah meringkaskan pemahamannya dengan jawapan yang diberikan seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 4*.

peserta kajian	Hasil kerja	Markah	%
Hani		2/2	100%
Mary		2/2	100%
Aiman		kurang tepat 1/2	50%

Rajah 4. Analisis Hasil Kerja Murid Selepas Penggunaan GZ Fleksibel

Berdasarkan jawapan tersebut, jelas menunjukkan Mary dan Hani memahami maksud yang terkandung dalam perkara 152 iaitu “Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan apa-apa tulisan sebagaimana yang diperintahkan dengan undang-undang oleh Parlimen” (Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian, 2011). Jawapan Mary dan Hani yang hanya menulis “Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Melayu” jelas menggambarkan mereka memahami kandungan perkara tersebut.

Berbeza dengan Aiman yang hanya menjawab “bahasa kebangsaan”. Jawapan yang diberikan menimbulkan tanda tanya jenis bahasa yang dimaksudkan oleh Aiman. Oleh itu, hanya Aiman yang tidak dapat menguasai 100% kemahiran menghubungkan kerana Aiman hanya menjawab sebahagian sahaja kandungan perkara 152. Oleh itu, guru menguji pemahaman peserta kajian melalui satu temubual bersama peserta kajian untuk memahami mengapa beliau masih belum dapat menguasai 100%. Berikut adalah transkrip temu bual dengan Aiman.

Saya : Adakah mudah bagi awak untuk memahami perkaitan di antara perlembagaan dengan bahasa kebangsaan?

Aiman : Gelung kuning perlembagaan..kemudian ada perkara 152 dalam gelung merah. perkara 152 ialah bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu.


Saya : Jadi, Aiman.. kenapa jawapan awak pada lembaran kerja awak hanya ditulis “ bahasa kebangsaan”?

Aiman : senyum...saya nak cepat siaplah cikgu

Analisis data temu bual dengan Aiman menunjukkan bahawa Aiman faham dan tahu mengkaitkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan namun tidak


menjawab dengan tepat kerana hendak menyiapkan tugas dengan cepat. Oleh itu, kesilapan berlaku akibat kecuaiannya semasa menjawab lembaran kerja tersebut.

Catatan data pemerhatian pada rajah 5 juga merungkakan beberapa sebab Aiman bersikap sedemikian. Selepas Aiman menghantar tugas, Aiman terus membantu rakannya yang lain memandangkan rakannya yang lain mengalami masalah yang lebih teruk dari segi menguasai kemahiran asas dalam akademik. Sikap kepimpinannya terserlah apabila Aiman membantu ahli kumpulan yang lain untuk menyelesaikan tugas.




Rajah 5. Catatan pemerhatian terhadap Aiman

Rajah 6 menunjukkan pencapaian peserta kajian sebelum dan selepas menggunakan permainan GZ Fleksibel bagi memahami serta mengkaitkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan. Dapatan menunjukkan peningkatan dari segi keupayana mengkaitkan perlembagaan dengan Bahasa Kebangsaan bagi ketiga-tiga peserta kajian.



Rajah 6. Pencapaian Peserta Kajian Sebelum dan Selepas Penggunaan Kaedah GZ FLEksibel

Berdasarkan soal selidik sebelum dan selepas pengaplikasian “GZ Fleksibel”, satu perubahan yang positif berlaku apabila peserta kajian dapat mencapai 100% menguasai pada akhir pembelajaran sepertimana yang terdapat pada rajah 8.



Rajah 8. Analisis kandungan soal selidik

Refleksi

Berdasarkan pelaksanaan aktiviti dengan menerapkan inovasi “GZ Fleksibel”, saya mendapati murid mudah untuk memahami perkaitan antara perlembagaan dengan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Pelaksanaan aktiviti mengikut stesen dan menggunakan kaedah *Peer Coaching* untuk membimbing ahli kumpulan di setiap stesen memberi impak yang berkesan kepada murid. Di mana setiap ahli kumpulan belajar untuk memberi maklumat dan memberi tindakbalas terhadap aktiviti.

Walaupun terdapat beberapa murid sahaja yang tidak dapat menguasai sepenuhnya. Saya cuba untuk membantu murid ini namun, tindakan murid lain untuk membantu rakannya yang tidak memahami sangat memmeranjatkan saya. Sikap saling membantu dan membimbing dapat saya terapkan dalam diri mereka. Malah, ada yang meminta saya untuk mengulangi aktiviti tersebut. Halangan dan cabaran dalam pelaksanaan aktiviti ini adalah pemilihan ketua untuk membimbing ahli kumpulan kerana kelas tersebut kebanyakannya terdiri daripada murid yang lemah dari segi pelajaran.

Kesimpulannya, kejayaan pengaplikasian “**GZ Fleksibel**” untuk menghubungkan perlembagaan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semasa PdPc saya adalah bergantung dengan kerjasama murid dan juga pelaksanaan aktiviti yang sesuai menjadi kekuatan saya.

Cadangan Tindakan Susulan

Berdasarkan aktiviti yang dijalankan saya mendapati kaedah *Peer Coaching* sangat membantu meningkatkan keyakinan murid dan dapat membantu guru mengawal kelas. Pada masa akan datang, saya akan terus cuba untuk menghasilkan satu inovasi untuk menggabungkan penggunaan inovasi dengan kaedah *Peer Coaching* bagi memastikan PdPc lebih berkesan.

Selain itu, “**GZ Fleksibel**” perlu disediakan dalam saiz yang lebih besar bagi memudahkan murid untuk melihat secara lebih jelas pengkelasan gelung mengikut susunannya. Bahkan lebih baik sekiranya bahan ini disediakan dalam bentuk “*pop up*” agar kelihatan lebih menarik. Walaupun murid-murid suka dan seronok mengaplikasikan “GZ Fleksibel” namun, saya akan cuba untuk menambahbaik inovasi ini. Oleh itu, penekanan terhadap beberapa aspek penting seperti kebolegunaan, kebolehtadbiran dan kelevanan sesebuah inovasi merupakan perkara asas yang akan dititikberatkan agar penghasilan inovasi itu mampu

membuahkan hasil yang baik.

Rujukan

- Ishak Saat (2009). *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Selangor Darul Ehsan: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Abdul Rashid (1989). *Strategi Pengajaran Sejarah Kbsm*. Selangor Ehsan: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian (2011). "Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan "Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation 29(1)
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying Sharifah Syed Ahmad Dan Kamaruddin Wan Hasan (2012). *Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Omaradin Haji Ashaari Dan Yunus Muhamad (2002). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd